

Latihan Kendiri 1.1

1. Akidah bermaksud hal yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati yang akan mendorong hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan bersih daripada prasangka.
2. Tauhid rububiyah ialah mengaku bahawa Allah s.w.t. adalah pencipta bagi segala sesuatu dan tiada dua pencipta yang sebanding pada sifat dan perbuatan manakala tauhid uluhiyyah ialah beriktikad bahawa Allah berhak dan patut disembah.
3. Syariah bermaksud segala perintah yang diwahyukan oleh Allah ke atas manusia dari segi akidah, amaliyyah dan akhlak.
4. Syariah Islam menekankan bukan sahaja kebahagiaan dan keselamatan di dunia tetapi yang lebih penting lagi ialah kehidupan di akhirat.
5.
 - a. Ibubapa
 - b. Tanggungan
 - c. Kaum kerabat
 - d. Jiran tetangga
 - e. Masyarakat
 - f. Alam
6. B

Soalan esei

Seseorang Muslim yang percaya kepada Allah (aspek aqidah) wajib menunaikan solat lima waktu (ibadah wajib) serta setiap amalan yang baik seperti percaya kepada Allah dan solat perlu dilakukan penuh keikhlasan dan tawaduk (nilai akhlak). Malah perkara haram seperti berzina, minum arak dan berjudi perlu ditinggalkan (nilai akhlak).